



KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR
MAJLIS PRAPELANCARAN JUBLI EMAS KEJORA (FB LIVE)
25 FEBRUARI 2021

KOTA TINGGI: Majlis Prapelanaran Jubli Emas KEJORA diadakan bertujuan bagi membangkitkan rasa kesedaran dan semangat cintakan KEJORA. Walaupun, Negeri Johor dalam Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), majlis ini diadakan dengan norma baharu secara maya atau atas talian bagi mengekang penularan wabak COVID-19 yang melanda negara.

Majlis ini dimeriahkan lagi dengan pengumuman pemenang Pertandingan Merekacipta Slogan dan Logo, gimik dan video Prapelanaran Sambutan Jubli Emas 50 Tahun KEJORA.

Majlis Prapelanaran Jubli Emas KEJORA dirasmikan oleh YB Dato' Sri Haji Abdul Rahman bin Mohamad, Timbalan Menteri 1, Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB).

Program-program yang telah dirancang sepanjang tahun 2021 hingga 2022 bagi memeriahkan Sambutan Jubli Emas KEJORA adalah seperti berikut:

BIL	PROGRAM	PERLAKSANAAN
1.	Pertandingan Logo dan Tagline	Okt – Dis 2020
2.	Prapelancaran Jubli Emas KEJORA	25 Februari 2021
3.	<i>Virtual Run</i>	Mac 2021
4.	Yassin & Tahlil di Kg Wil. KEJORA	Jun 2021 - Mei 2022
5.	Program Kualiti Dan Latihan	Jan – Okt 2021
6.	Promosi dan Program Keusahawan	Jan – Dis 2021
7.	Seminar Sekuriti Makanan	Jun 2021
8.	Seminar Pemantapan JPKK Wilayah KEJORA	Mac – April 2021
9.	Pertandingan E-Sports	2021
10.	Menaiktaraf Bangunan Ibu Pejabat KEJORA	Mei 2021-Jan 2022
11.	Mengecat dan menaiktaraf Ibu pejabat KEJORA	Mei 2021-Jan 2022
12.	Wawancara Eksklusif	Jan 2022 – Jun 2022
13.	Cerita Pendek (Short Story)	Jan 2022
14.	Penerbitan Coffee Table	Jan 2022
15.	Konvensyen JPKK Wilayah KEJORA	April 2022

BIL	PROGRAM	PERLAKSANAAN
16.	Pertandingan Kuiz	Jun 2021 April 2022
17.	Pengkisahan KEJORA	Mei 2022
18.	Karnival Sukan	Mei 2022
19.	Pertandingan E-Sports	2021
20.	Executive Talks	Jun 2022
21.	Pameran	Jun 2022
22.	Mercu Tanda	Jun 2022
23.	Karnival dan Ekspo dan Majlis Perasmian Jubli Emas KEJORA	Jun 2022
24.	KEJORA@ Youtube Channel	Okt. 2020 - Jun 2022

KEPUTUSAN PERTANDINGAN LOGO DAN SLOGAN SAMBUTAN JUBLI EMAS

a. Senarai Nama Pemenang Pertandingan Slogan Jubli Emas 50 Tahun KEJORA

i. Pemenang Tempat Pertama

Hadiah : RM1,000.00

Nama : Encik S Marhan bin Muhammad

ii. Pemenang Saguhati Pertama

Hadiah : RM250.00

Nama : Puan Zalina Binti Tuparman

iii. Pemenang Saguhati Ke-2

Hadiah : RM250.00

Nama : Encik Muhammad Firdaus Nazeri

b. Senarai Nama Pemenang Pertandingan Logo Jubli Emas 50 Tahun KEJORA

i. Pemenang Tempat Pertama

Hadiah : RM4,000.00

Nama : Encik Muhammad Faez Bin Hamzah

ii. Pemenang Saguhati Pertama

Hadiah : RM500.00

Nama : Encik Hafizi Bin Muhammad

iii. Pemenang Saguhati Ke-2

Hadiah : RM500.00

Nama : Encik Khairudin Bin Murad

Pada masa yang sama maklumat sumbangan Tabung Ladang Buah Berskala Besar (EPP7) dan Dividen Projek Ternakan Burung Walit Berkelompok Kampung Belukar Durian, Program Peningkatan Pendapatan, Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (PPP, SPKR) Wilayah KEJORA juga turut disertakan dalam lampiran 1.

**YB Dato' Sri Abdul Rahman Bin Mohamad
Timbalan Menteri I
Kementerian Pembangunan Luar Bandar**

25 FEBRUARI 2021

-TAMAT-

Unit Komunikasi Korporat

Kementerian Pembangunan Luar Bandar

Tel: 03-8891 5940, Faks: 03-8888 2367 Emel: ukk@rurallink.gov.my

SUMBANGAN TABUNG LADANG BUAH BERSKALA BESAR (EPP7)

Pada tahun 2014, pihak Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) telah memperuntukkan sebanyak RM4.78 juta (Ringgit Malaysia : Empat Juta Tujuh Ratus Lapan Puluh Ribu sahaja) kepada KEJORA bagi melaksanakan Projek Tanaman Nanas di bawah Program Projek Ladang Buah Berskala Besar (EPP7).

KEJORA telah dilantik sebagai agensi pelaksana dan pembayar bagi pelaksanaan projek ini dengan melibatkan kerja-kerja penyediaan infrastruktur luar ladang yang merangkumi jalan ladang, bekalan air dan bekalan elektrik.

Sehubungan itu, melalui pelaksanaan program ini, Tetuan Ergobumi Sdn. Bhd. telah dilantik sebagai syarikat peneraju dan merupakan pemajak tanah KEJORA iaitu di sebahagian PTD 2730 HS (D) 13770 seluas 307.75 ekar di Kg. Tuan Seh, Sedili Besar, Kota Tinggi, Johor.

Oleh itu, pihak syarikat adalah dikehendaki untuk membayar wang sumbangan Tabung Ladang Berskala Besar (TLBB) kepada KEJORA untuk diberikan kepada golongan sasaran di dalam Wilayah KEJORA khususnya peserta Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) Taman Sinar Sedili bagi tujuan sumbangan sempena Sambutan Hari Raya, persekolahan dan juga kecemasan.

Sehubungan itu, KEJORA telah memperuntukkan sebanyak RM19,600.00 (Ringgit Malaysia: Sembilan Belas Ribu Enam Ratus sahaja) iaitu pada kadar bayaran RM200.00 (Ringgit Malaysia: Dua Ratus sahaja) bagi setiap Ketua Isi Rumah (KIR) Taman Sinar Sedili. Sumbangan Tabung Ladang Berskala Besar (TLBB) ini melibatkan seramai sembilan puluh lapan (98) Ketua Isi Rumah (KIR).

Tujuan agihan sumbangan ini dilaksanakan adalah untuk membantu meringankan beban kewangan penduduk Taman Sinar Sedili yang terjejas pendapatannya sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan di Negeri Johor.

Selain itu, ianya juga dapat merealisasikan objektif dan pencapaian Program Projek Ladang Buah Berskala Besar (EPP7) menerusi sumbangan Tabung Ladang Berskala Besar (TLBB) kepada golongan sasaran dalam wilayah KEJORA.

**DIVIDEN PROJEK TERNAKAN BURUNG WALIT BERKELOMPOK
KAMPUNG BELUKAR DURIAN, PROGRAM PENINGKATAN
PENDAPATAN, SKIM PEMBANGUNAN KESEJAHTERAAN RAKYAT
(PPP, SPKR) WILAYAH KEJORA**

Objektif Program Peningkatan Pendapatan (PPP) adalah meningkatkan pendapatan kumpulan sasaran daripada golongan Miskin Tegar (MT), Miskin (M) dan Berpendapatan Rendah (B40) di luar bandar melalui penglibatan mereka di dalam projek-projek ekonomi yang berupaya

meningkatkan taraf hidup mereka khususnya dan kualiti hidup mereka umumnya.

Merujuk keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian, Perakuan dan Kelulusan Projek Program Peningkatan Pendapatan (JPPK-PPP) Peringkat Negeri Johor Bil. 3/2010 bertarikh 9 November 2010 telah meluluskan KEJORA bagi melaksanakan Projek Ternakan Burung Walit Berkelompok Kampung Belukar Durian dengan peruntukan berjumlah RM300,000.00.

Keuntungan daripada hasil pendapatan projek ini akan diagihkan kepada 30 penerima daripada peserta E-Kasih.

Sehingga 31 Disember 2020, sebanyak RM22,260.00 telah dibelanjakan untuk bayaran dividen kepada peserta melalui hasil keuntungan projek ini. Perincian Lanjut seperti jadual berikut:

TAHUN	PERINCIAN	JUMLAH (RM)
2015	30 peserta X RM142.00	4,260.00
2019	30 peserta X RM300.00	9,000.00
2020	30 peserta X RM300.00	9,000.00
JUMLAH KESELURUHAN (RM)		22,260.00

Seramai 30 peserta bakal menerima bayaran dividen dengan implikasi kewangan berjumlah RM9,000.00 (RM300.00 seorang) hasil daripada keuntungan Projek Ternakan Burung Walit Berkelompok Kampung Belukar Durian PPP SPKR.